



ISMAIL (lima kiri) menyampaikan cenderamata kepada Yusak diperhatikan pegawai kanan UMSKAL.

UMS Link kembang sayap ke Labuan

3.4.2015 UB B4
ANAK syarikat Universiti Malaysia Sabah (UMS), UMS Link Holdings Sdn Bhd akan mengembangkan sayapnya ke Wilayah Persekutuan Labuan dalam tempoh terdekat ini.

Pengurus Kanan Kumpulan UMS Link, Yusak Yumboris @ Misek berkata pembukaan pejabat di Labuan akan memudahkan syarikat itu menjalankan operasinya pada masa akan datang.

Katanya, ia juga akan membantu pelanggannya termasuk golongan pendidik yang sedang mengikuti pengajian dalam bidang pendidikan peringkat sarjana menduduki kuliah tanpa perlu berulang-alik ke Kota Kinabalu.

“Kita akan membuka pejabat di Labuan untuk melancarkan urusan

“Pembukaan pejabat di Labuan akan memudahkan syarikat itu menjalankan operasinya pada masa akan datang. Ia juga akan membantu pelanggannya termasuk golongan pendidik yang sedang mengikuti pengajian dalam bidang pendidikan peringkat sarjana menduduki kuliah tanpa perlu berulang-alik ke Kota Kinabalu.”

YUSAK YUMBORIS @MISEK
 Pengurus Kanan Kumpulan UMS Link

pentadbiran dan operasi UMS Link,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan kunjungan hormat terhadap Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali di Bilik Mesyuarat Eksekutif Tingkat 13, Bangunan Menara, kelmarin.

Turut hadir Timbalan Pendaftar UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah, Ketua Unit Perhubungan Korporat UMSKAL, Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal dan Pengurus Pendidikan

dan Sektor Latihan UMS Link, Rizal Malik.

Hadir sama Pegawai Teknologi Maklumat, Ismet Zulfikar Ahmad Shafee, Penolong Pendaftar Bahagian Perkhidmatan Akademik, Roslianah Opao dan Pustakawan, Dg Ruhida Rapplee.

Sementara itu, Ismail mengalu-alukan pembukaan pejabat UMS Link di Labuan bagi membantu meringankan beban pelajar yang mengikuti program Pusat Luar UMS (PLUMS).

Katanya, dengan adanya pejabat di UMSKAL, pelajar yang kebanyakannya bekerja dan menetap di Labuan tidak perlu lagi berulang-alik ke Kota Kinabalu sekaligus menjimatkan kos perbelanjaan, keselamatan dan tenaga mereka.

“UMS Link juga mudah mengadakan pelbagai aktiviti termasuk promosi dan mengedarkan risalah ke jabatan dan agensi kerajaan, swasta dan sekolah di wilayah ini,” katanya.